

Contoh dan inspirasi kepada masyarakat

Yaacob papar kisah individu yang mengharumkan nama negara, bangsa dan agama

KEYAKINAN saya tidak timbul daripada statistik semata-mata tetapi juga daripada pengalaman dan keyakinan wira individu dalam masyarakat ini.

Saya percaya mereka mencerminkan semangat, nilai dan keyakinan yang semakin meningkat dalam masyarakat kita.

KEGAGALAN BAWA KEJAYAAN

Nur Alfian Juma'en mengharumkan nama negara dalam Sukan SEA baru-baru ini, apabila beliau memenangi pingat emas dalam acara silat.

Yang menarik perhatian saya bukanlah kerana beliau menang tetapi bagaimana beliau memenangi pingat itu.

Beliau tewas kepada lawan yang sama sebelum ini tetapi kali ini beliau sedar mengapa beliau kalah. Izinkan saya menukil kata-katanya:

"Dengan menonton video Kejohanan Dunia, saya dapati bahawa saya yang menyerang dahulu. Jadi, kali ini, saya menunggu beliau menyerang sebelum melancarkan serangan balas."

Hasilnya: satu perlawanan yang menyaksikan beliau muncul sebagai pemenang.

Inilah semangat seorang atlit berusia 18 tahun yang tidak membiarkan sesuatu berlaku secara kebetulan. Beliau belajar daripada kesilapannya dan bangkit menerusi kerja keras mencapai kecemerlangan.

TABAH HADAPI DUGAAN

Keinginan mencatat keputusan yang baik dan tabah menghadapi dugaan boleh turut dilihat dalam kisah Cik Amalina Ridzuan.

Bekas pelajar Madrasah Al-Maa'rif berusia 22 tahun itu melanjutkan pelajaran daripada madrasah ke maktab rendah, kemudian ke politeknik sebelum akhirnya mendapat tempat di Sekolah Perubatan Yong Loo Lin NUS.

Yang menjadi pendorong beliau adalah keinginan yang kuat membantu orang lain. Beliau berkata, dan saya tukil:

"Semasa di sekolah menengah, saya terbaca satu artikel akhbar mengenai seorang pesakit kanser. Sesungguhnya saya tidak mahu melihat (orang lain) melalui penderitaan yang sama. Sebab itu saya terdorong melakukan sesuatu... untuk melakukan bahagian saya bagi mengurangkan penderitaan mereka."

Tidak ramai mengikuti laluan yang diambilnya ke sekolah perubatan tetapi beliau tidak pernah berputus asa. Seperti katanya:

"Jika anda percaya bahawa anda boleh melakukan sesuatu, berusaha ke arah itu dan yakinlah. Semuanya akan menjadi!"

Inilah motivasi terbaik mencapai



JUARA SILAT: Nur Alfian Juma'en dengan pingat emas yang dimenangi di Sukan SEA baru-baru ini. - Foto-foto fail



PELAJAR MADRASAH: Cik Amalina Ridzuan berjaya atasi saingan untuk melanjutkan pengajian ke Sekolah Perubatan Yong Loo Lin di NUS.



ALLAHYARHAM MOHAMMAD GHAZI MOHAMED

kecemerlangan dan sikap tidak mahu kalah yang akan meletakkan kita dalam kedudukan yang baik dalam menentukan hala tuju masa depan.

SUMBER MOTIVASI

Kemudian, kita teringat kata-kata Allahyarham Mohammad Ghazi Mohamed, seorang guru daripada Sekolah Rendah Tanjong Katong yang terkorban dalam kejadian gempa bumi di Sabah baru-baru ini.

Ramai mengingati beliau sebagai individu baik hati yang melakukan segala termampu mencungkil yang terbaik daripada orang lain.

Seperti yang dinukil seorang pelajar selepas pemergiannya:

"Anda tidak pernah berputus asa (terhadap saya). Ada sahaja peluang yang diberi kepada saya supaya saya dapat mencapai tahap lebih tinggi."

Seorang lagi pelajar menulis:

"Saya masih ingat saya antara yang paling perlahan dalam kumpulan kami tetapi anda sentiasa menunggu di belakang saya dan bertanya jika semua berada dalam keadaan baik."

Tetapi yang paling menarik per-

hatian saya adalah kata-katanya yang ditulis dalam sebuah penerbitan sekolah:

"Usah tinggalkan sesiapa di belakang. Jangan bersikap tidak peduli."

Dalam kata-kata seperti ini kita mendengar suara generasi lebih muda yang sanggup mengorbankan kepentingan peribadi demi memastikan bahawa semua orang di sekeliling mereka terjaga.

Inilah sikap baik hati dan ihsan yang akan membawa kita ke hadapan sebagai sebuah masyarakat.

KETABAHAN DI SEBALIK TRAGEDI

Akhir sekali, kita menemui kemurahan hati dan kekuatan dalam saat berlakunya tragedi.

Encik Ayoub Ahmat kehilangan anak lelakinya, Amron Ayoub, dalam kemalangan jalan raya pada 9 Ogos 2013, pada hari kedua Hari Raya.

Namun, Encik Ayoub reda menerima ketentuan takdir. Dan saya tukil kata-katanya:

"Tiada ada sesiapa memaksa kita untuk memaafkan."

"Kami sedar ia satu kemalangan... jika kita tidak memaafkan, kemalangan itu akan sentiasa menghantu ingatan kita."

"Tetapi apabila kita ikhlas memberi maaf, kita menerima hakikat bahawa ia benar-benar satu kemalangan."

"Bagi kami, kami menerimanya sebagai sebahagian daripada kehidupan... sebagai Muslim, kami melihatnya sebagai ujian daripada Tuhan."

Kekuatan meredai, memaafkan dan meneruskan kehidupan mencerminkan semangat kental yang mendalam dalam mengharungi kesukaran.

INSPIRASI DAN HARAPAN

Suara-suara ini memberi inspirasi dan harapan kepada kita di masa hadapan.

Mereka mencerminkan nilai-nilai yang telah membawa kita ke tempat yang kita berada sekarang.


Kita bersikap tabah selama lebih 50 tahun sedang kita memperbaiki diri, belajar daripada kesilapan dan bangkit atas kekuatan dan pencapaian kita.

Kami bekerja keras bersama dengan semangat gotong-royong, dengan menerima hakikat bahawa kita lemah jika berseorangan dan kuat apabila bersama.


Ada kala kita akan menghadapi kesukaran dan cubaan.

Tetapi dengan menerima semua ini sebagai sebahagian daripada kehidupan, kita akan terus melangkah dan membina masa depan lebih baik.

Harapan dan aspirasi ini bukan setakat dikongsi sebuah kumpulan kecil; sebaliknya kita melihat ia ke-




ENCIK ISKANDAR JALIL



ENCIK AHMAD MOKHTAR SHAFI



USTAZAH SITI RAHMAH



ENCIK AYOUB AHMAT

rap dijadikan contoh dalam tindakan ramai lagi warga Melayu/Islam Singapura.

CONTOH CEMERLANG

Kita telah melihat sebahagian daripada mereka dalam video yang ditunjukkan sebelum ini.

Encik Ahmad Mokhtar Shafi, seorang pemandu teksi, adalah orang yang mempunyai hati yang besar dengan memberi sokongan kepada mereka yang memerlukan tanpa mengharap apa-apa sebagai balasan.

Kemudian kita mempunyai Ustazah Siti Rahmah, yang tampil bagi memastikan isteri-isteri tahanan Ji tidak ketinggalan.

Kita juga mempunyai pakar tembikar antarabangsa dalam Pak Iskandar Jalil, yang terkenal dengan etika kerja dan komitmen mencapai kecemerlangan dalam segala perbuatannya.

Namun, pada masa yang sama, beliau tetap berendah diri ibarat batang padi yang sedang tumbuh. Itulah resmi padi, semakin berisi, semakin tunduk.

Di tempat lain, kita mendengar kisah orang yang tidak dikenali yang bergegas tampil menawarkan bantuan kepada penduduk sewarga, sama ada kepada sebuah keluarga di Marsiling yang rumah mereka terbakar sejurus sebelum Hari Raya atau melepaskan seseorang yang tersepit di bawah lori.

BUDAYA MEMBERI

Masyarakat kita juga semakin bermurah hati - pungutan zakat Muis meningkat daripada hampir \$22.8 juta pada 2010 kepada sekitar \$32 juta pada akhir 2014, manakala derma kepada masjid mencecah lebih \$40 juta setiap tahun.

Budaya memberi ini menunjukkan kemurahan hati dan sikap pemurah dalam masyarakat.

Saya memulakan ucapan saya malam ini dengan mengimbas sikap ragu-ragu sesetengah pihak 50 tahun lalu ke atas nasib masyarakat kita.

Tetapi anda telah mendengar ceritanya; mereka mencerminkan bukan hanya semangat dan nilai-nilai yang dihargai masyarakat ini, malah sejauh mana kita membangun.

Kita telah memikul dan meneruskan warisan perintis kita dengan bersikap rendah hati, tabah dan memberi yang terbaik tidak kira apa juga dugaannya; tampil dengan spontan, memberi tanpa mementingkan diri sendiri, berkongsi dan bersikap prihatin supaya tidak ada seorang pun yang tertinggal di belakang; dan tetap tenang dan tabah dalam kita menghadapi apa juga rintangan.

NILAI MURNI ISLAM

Mengapa kita melakukan semua ini?

Keinginan memainkan peranan menjadikan Singapura satu tempat tinggal yang lebih baik untuk semua, tanpa mengira bangsa, bahasa atau agama, mencerminkan sebuah masyarakat yang mempunyai keyakinan diri dan tempatnya di Singapura.

Ini kediaman kita. Ia mungkin tidak sempurna.

Tetapi sebagaimana yang dinyatakan Timbalan Perdana Menteri Encik Tharman Shanmugaratnam dengan tenang dalam satu simposium baru-baru ini bahawa kita tidak perlu meminta maaf kerana apa dan siapa kita dan kita juga tidak perlu berpura-pura bahawa kita telah berjaya.

Ini kerana apa yang berjaya membawa kita di sini adalah sikap rendah hati dan kerja keras dan harapan berterusan kita menjadikan kehidupan ini lebih baik untuk kita, bagi anak-anak kita dan untuk dunia.

Kita akan menjadi lebih baik, bersama.

Kita akan berusaha dan kita tidak akan meninggalkan sesiapa di belakang. Itulah semangat yang kita lihat dalam masyarakat dan negara kita.

Dan inilah semangat, kepercayaan dan keyakinan yang membolehkan kita terus melangkah, tidak kira apa jua cabarannya, ke arah masa depan lebih cerah.